

17 JULAI 2018

Sembunyi dadah dalam 'speaker'

SINAR HARIAN • SELASA 17 JULAI 2018

TENGAH 17

EDISI SELANGOR.KL PAHANG

EDITOR: KHAIRUL AMRI YASIN PENOLONG EDITOR: SALMIAH DRUHAMAD DRAHSIN, MOHD HAZRIZAL MOHD HANAPIAH, IZWAN ROZLIN & ASWANY OMAR

Sembunyi dadah dalam 'speaker'

Tahan 103 individu positif dadah, terlibat jenayah

HASNIZA HUSSAIN
KUALA LUMPUR

Pelbagai jenis dadah bernilai lebih RM13,000 ditemui disembunyikan dalam sebuah pusat hiburan di Sharmelin, Cheras, kelmarin.

Pemangku Ketua Polis Daerah Cheras, Superintendan Kamal Khan Mohd Shariff berkata, dalam serbuan oleh anggota Sting Bukit Aman kira-kira jam 4.40 pagi itu, polis menemui dadah terbabit di bilik 'server control' premis berkenaan.

Katanya, tiada tangkapan dibuat bagi kes tersebut yang disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Menurutnya, siasatan bagaimanapun diteruskan bagi mengenal pasti suspek serta punca bekalan dadah yang diamalkan.

"Dalam operasi sama, kita turut memeriksa seramai 134 individu melibatkan 85 lelaki tempatan, 11 wanita tempatan, enam lelaki Bangladesh, 31 wanita Vietnam serta seorang wanita Thailand.

"Daripada jumlah itu, seramai 99 individu berusia antara 18 hingga 40 tahun dihantam atas kesalahan dadah semalam.

Beliau berkata, kelmarin didah yang dirampas dalam serbuan di sebuah pusat hiburan di Cheras, kelmarin.

didah yang dirampas dalam serbuan di sebuah pusat hiburan di Cheras, kelmarin.

Kamal Khan berkata, pada operasi sama empat wanita warga Vietnam dihantam di bawah Seksyen 39(b) Peraturan Imigresen 1963.

Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSN) dan Jenayah (JS) Bukit Aman menyertai premis tersebut untuk kali keempat.

"Kita juga dah tutup kelab ini sebelum ini, tapi nampaknya mereka tak serik dan beroperasi semula sejak sebulan lalu di bawah pengurusan baru," katanya.

Menurutnya, risikan serta pemantauan akan terus dijalankan bagi memastikan pusat hiburan di sekitar ibu negara tidak menjadi sarang pengedaran dadah.

Katanya, pada masa sama, polis memerlukan kerjasama dan maklumat orang awam supaya masalah berkenaan dapat diatasi bersama.



info

Polis turut memeriksa 134 individu melibatkan 85 lelaki tempatan, 11 wanita tempatan, enam lelaki Bangladesh, 31 wanita Vietnam serta seorang wanita Thailand.

ini sebelum ini, tapi nampaknya mereka tak serik dan beroperasi semula sejak sebulan lalu di bawah pengurusan baru," katanya.

Menurutnya, risikan serta pemantauan akan terus dijalankan bagi memastikan pusat hiburan di sekitar ibu negara tidak menjadi sarang pengedaran dadah.

Katanya, pada masa sama, polis memerlukan kerjasama dan maklumat orang awam supaya masalah berkenaan dapat diatasi bersama.